

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**PELANCARAN SEMULA GIANT HYPERMARKET  
BATU CAVES**

**PADA**

**23 MEI 2019**

**BERTEMPAT DI**

**PASAR RAYA BESAR GIANT, BATU CAVES  
GOMBAK, SELANGOR**

**\*Rujuk Senarai Salutas\***

1. Terlebih dahulu, saya amat berbesar hati kerana dijemput hadir ke **majlis pelancaran semula pasar raya besar Giant Batu Caves** pada hari ini.
2. Saya difahamkan bahawa pihak Giant telah menyempurnakan **'wajah baharu'** untuk menyantuni pelanggan mereka dengan pengalaman membeli-belah yang lebih menarik serta melalui pemilihan produk segar dan berkualiti untuk memenuhi keperluan rakyat.
3. Penghargaan saya berikan kepada Giant Malaysia di atas komitmen berterusan mereka untuk memberi pilihan yang lebih baik kepada rakyat, dengan nilai dan kualiti pada harga terbaik. Pada masa yang sama, pihak Giant turut memberi tumpuan kepada memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan mereka, termasuk usahawan-usahawan Kecil dan Sederhana yang memasarkan produk di pasar raya besar Giant.
4. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah antara enjin pertumbuhan utama untuk ekonomi Malaysia. Saya dimaklumkan bahawa bilangan **PKS yang memasuki pasar raya Giant** telah **meningkat dengan ketara kepada 291** pada tahun 2018 berbanding **172 pada 2016** dan **263 pada 2017**. Jumlah *Stock Keeping Unit* (SKU) PKS tempatan juga telah meningkat kepada **8,991 SKU** di mana **2,045** daripadanya adalah SKU keluaran Bumiputra.

5. Adalah menjadi tanggungjawab KPDNHEP untuk **menggalakkan pengguna membeli produk 'Buatan Malaysia'** dan membantu PKS serta usahawan tempatan mendepani pertumbuhan ekonomi yang mencabar. Oleh yang demikian, Kerajaan amat menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Giant Malaysia dalam mempromosikan produk tempatan dan perniagaan tempatan.
6. Melalui usaha bersama antara KPDNHEP dan Giant Malaysia akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan dan seterusnya membantu usahawan, petani, dan nelayan tempatan untuk berkembang.
7. Selain daripada itu, pihak kementerian juga menyambut baik sokongan daripada pihak Giant terhadap inisiatif Kementerian melalui *Program Food Bank* yang telah dapat meringan beban golongan sasaran yang kurang berkemampuan. Saya dimaklumkan sejak tahun 2017, pihak Giant telah menyumbang **lebih dari 70,000 kilogram** iaitu bersamaan dengan **208,890 hidangan** makanan (berdasarkan 300gram setiap hidangan) dengan kerjasama rakan strategik mereka, *The Lost Food Project*.
8. Berpaksikan kepada visi yang sama demi kebaikan negara, KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan pihak Giant Malaysia menerusi pelbagai inisiatif untuk menyediakan masyarakat dengan pilihan produk berkualiti dan memupuk masyarakat yang lebih mampan.
9. Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini merasmikan **majlis pelancaran semula pasar raya besar Giant Batu Caves**.